


REKOD JARINGAN TERBESAR

Harian Metro · 17 Mar 2021 · Oleh Saiful Affendy Sapran saifulaffendy@hmetro.com.my

Meskipun baru membuat penampilan kali pertama di saingan Liga Hoki Malaysia (MHL) Wanita, UniKL Ladies sudah memberi amaran kepada pesaing lain bahawa kehadiran mereka bukan sekadar melengkapkan saingan musim ini.



Sebaliknya, skuad bimbingan bekas penjaga gol skuad kebangsaan, Roslan Jamaluddin itu sudah membuktikan keinginan mereka untuk memenangi trofi apabila tanpa belas kasihan membelaah Mutiara Juniors PSHA 17-0 kelmarin.

Dengan kemenangan itu, UniKL Ladies yang dibarisi tujuh pemain kebangsaan melakar rekod selaku pasukan meraih kemenangan terbesar pada saingan liga sejak 2015.

Roslan berkata, objektif utama barisan pemainnya adalah untuk meraih sebanyak mungkin gol dan ia akan dilakukan terhadap mana-mana pasukan termasuk PDRM Blue Warriors yang bakal ditemui hari ini.

“Kami memang mahu mendapatkan sebanyak mungkin gol terutama pada perlawanan selepas ini bagi mengukuhkan saingan di kedudukan liga.

“Sesiapa sahaja yang menjaringkan gol, mereka melakukannya demi pasukan. Saya sentiasa tekankan jika ada peluang untuk jaringkan gol, maka mereka perlu ambil peluang itu,” katanya.

Roslan tidak menafikan mereka mempunyai dua peledak berkaliber yang juga tonggak kebangsaan iaitu penjaring terbanyak Piala Razak, Nuraini Abdul Rashid dan penjaring terbanyak MHL musim lalu, Hanis Nadiah Onn.

“Nuraini dan Hanis bertindak cemerlang apabila sentiasa mengambil peluang untuk menjaringkan gol. Pada masa sama saya juga mahu pemain lain untuk menjaringkan gol,” katanya.